



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harian Metro
Date	17/05/2012

>>Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Jika itu-
lah perkara yang sangat
diambil berat Majlis Pe-
guam, ia sepatutnya
menjadi sebuah parti politik.
Biar organisasi lain yang meng-
endalikan hal berkaitan
profesional," kata bekas Per-
dana Menteri, Tun Dr Ma-
hathir Mohamed mengulas
pembabitan badan itu dalam
perhimpunan Bersih 3.0 dan
dilihat cenderung kepada
politik.

Menurutnya, sebagai se-
buah badan profesional
yang mengendalikan hal
berkaitan undang-undang,
Majlis Peguam sepatutnya
memberi tumpuan kepada
profesionnya iaitu berkaitan
undang-undang dan bukan-
nya menyertai politik, se-
hingga menimbulkan keke-
liruan.

"(Mungkin) pada masa de-
pan Persatuan Perubatan
Malaysia atau Persatuan Ar-
kitek Malaysia juga menjadi
parti politik...saya pasti akan
menimbulkan lebih banyak
kekeliruan," katanya pada si-
dang media selepas menyak-
sikan majlis menandatangani
perjanjian persefahaman
(MoU) antara Universiti
Perdana dan Institut Penyelid-
ikan dan Kemajuan Per-
tanian Malaysia (Mardi) serta
Universiti Putra Malaysia

Bikin keliru

Dr Mahathir tegur Majlis Peguam cenderung berpolitik

FOTO | Faris Iswadi Ismail



METERAI...Dr Abd Shukor (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Dr Mohanadas sambil diperhati Dr Mahathir, semalam.

(UPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Tadbir Urus Uni-
versiti Perdana, Tan Sri Dr
Mohan Swami.

Pada majlis itu, Universiti

Perdana diwakili Naib Can-
selornya, Mejar Jeneral (B)
Datuk Dr R Mohanadas;
Mardi diwakili Ketua Penga-
rahnya, Datuk Dr Abd Shu-
kor Abd Rahman, sementara

UPM oleh Naib Canselor-
nya, Datuk Ir Dr Radin
Umar Radin Sohadi.

Menerusi MoU itu, Uni-
versiti Perdana dan Mardi
akan berganding bahu, me-
ngukuhkan, memudahcara,
mempromosi serta memba-
ngunkan kerjasama dan hu-
bungan dalam penyelidikan
pertanian berkaitan kesihan-
tan, manakala MoU bersama
UPM membolehkan kedua-
dua-dua pihak bekerjasama
dalam bidang sains dan aka-
demik.

Mahathir yang juga Can-
selor Universiti Perdana ber-
kata, sesebuah badan pro-
fesional perlu membezakan
peranan yang sepatutnya di-
mainkan serta tidak men-
campuradukkan antara tu-
gas hakiki dan bidang po-
litik.

"Mereka sepatutnya hanya
memberi pendapat apabila ia
berkaitan undang-undang,
tetapi apabila anda mula ber-
kempen untuk parti politik,
saya fikir lebih baik ia men-
jadi sebuah parti politik," ka-
tanya.